

Fiesta Antarabangsa UMP tonjol keunikan

KUANTAN - Penganjuran Program International Fiesta 2017 bertemakan 'Communitizing Internationalization' bermula Jumaat ini di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang bakal menonjolkan keunikan budaya dan juadah dari 33 negara.

Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Prof.Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim berkata, komuniti antarabangsa UMP ini seramai 1,000 orang yang terdiri daripada 700 penuntut antarabangsa dan kakitangan serta ahli keluarga dari 33 buah negara.

Menurutnya, mereka akan mempersembahkan keunikan budaya masing-masing melalui pameran kebudayaan, penyediaan juadah yang mempunyai cita rasa yang berbeza serta persembahan kebudayaan negara masing-masing.

"Selain itu dapat mempromosikan agenda *Internationalization @ Home*, yang mana komuniti UMP berpeluang memperoleh pengalaman silang budaya di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran dan menggalakkan integrasi antara kaum dan bangsa.

"Manakala penyertaan komuniti luar UMP ini bakal mem-



Penuntut antarabangsa UMP (dari kiri) Abdrahman Arif (Iraq), Mohamad Weyrah (Somalia), Puranjan Mishra (India) dan Ukaegbu Chinonso (Nigeria) mempromosikan acara sempena Fiesta Antarabangsa UMP, Jumaat ini.

beri peluang mereka memperoleh pengalaman perkongsian budaya berbeza dengan berinteraksi lebih dekat bersama komuniti antarabangsa UMP. Secara tidak langsung ianya menjurus ke arah keharmonian bangsa dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian," katanya.

Bagi menggalakkan penyertaan komuniti, orang ramai dijemput hadir dan mengambil bahagian dalam beberapa acara dan pertandingan.

Di antaranya adalah Pameran Kebudayaan, *Language Corner* - Mari belajar Bahasa, *Trivia*

Questionnaire, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan *Indoor Games* ataupun Sukan Rakyat, Pertandingan Swafoto bersama Komuniti Antarabangsa, Pertunjukan Fesyen dan Pertandingan Menyanyi Multilingual.

Turut berlangsung Program Mini Karnival Sukan dengan kerjasama di antara Pejabat Antarabangsa dan Pusat Sukan UMP berbentuk acara telematch bersama IPT di sekitar Kuantan dan acara sukan tradisional rakyat bagi memperkenalkan keunikan budaya masing-masing.